



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEBIJAKSANAAN DALAM STRATEGI PERANG
BERDASARKAN SYAIR PERANG MENGGASAR***

NORIHAN BINTI AB AZIZ

FBMK 2018 26



**KEBIJAKSANAAN DALAM STRATEGI PERANG
BERDASARKAN SYAIR PERANG MENGGASAR**

Oleh

NORIHAN BINTI AB AZIZ

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Januari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KEBIJAKSANAAN DALAM STRATEGI PERANG
BERDASARKAN SYAIR PERANG MENGGASAR**

Oleh

NORIHAN BINTI AB AZIZ

Januari 2018

Pengerusi : Salmah Jan Binti Noor Muhammad, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Syair perang Mengkasar adalah sebuah syair sejarah yang telah ditulis antara tahun 1669-1670 oleh jurutulis istana Sultan Hasanuddin dari kerajaan Goa-Tallo iaitu Enci' Amin. Naskhah ini menceritakan tentang siri peperangan yang berlaku antara Mengkasar dan Belanda pada abad ke-17 di negeri Mengkasar yang terletak di Sulawesi Selatan. Keunikan dan keistimewaan naskhah ini yang dikatakan sebagai sebuah syair tertua bagi sastera bercorak sejarah telah menarik minat pengkaji untuk menjalani pengkajian secara lebih terperinci terhadap naskhah ini. Objektif kajian adalah untuk mentransliterasikan dan mendiskripsikan naskhah *Syair Perang Mengkasar*, menghuraikan sistem tulisan Jawi dan kosa kata yang sukar difahami di dalam naskhah, dan seterusnya akan menganalisis strategi-strategi perang antara Mengkasar dan Belanda sebagaimana yang telah diceritakan oleh pengarang melalui syairnya dalam naskhah tersebut. Oleh itu, pengkajian ini akan dijalankan dengan dengan melakukan transliterasi melalui pendekatan filologi. Proses transliterasi terlebih dahulu dilakukan bagi memudahkan pengkajian sebelum menjalankan proses kajian yang seterusnya di dalam naskhah. Transliterasi merupakan satu proses yang wajib dilakukan oleh ahli Filologi sebelum menjalankan penelitian dengan lebih lanjut mengenai isi teks sesebuah naskhah. Pendekatan Filologi diaplikasikan bagi melakukan transliterasi, manakala penganalisan terhadap strategi perang dalam naskhah ini akan dilakukan dengan berpandukan kepada strategi perang Nabi Muhammad SAW. Hasil daripada pengkajian ini, didapati bahawa naskhah *Syair Perang Mengkasar* ini adalah merupakan sebuah karya sastera sejarah yang menarik, contohnya tentang peristiwa-peristiwa sejarah peperangan yang berlaku di Mengkasar. Selain penggunaan bahasa Melayu ia turut diselitkan dengan bahasa Arab, juga beberapa perkataan dari bahasa masyarakat Bugis dan Mengkasar. Selain itu, strategi perang yang digunakan oleh Mengkasar dan Belanda juga dilihat agak berkesan dan relevan untuk diaplikasikan pada masa kini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts

**WISDOM IN THE WAR STRATEGY
BASED ON SYAIR PERANG MENGGASAR**

By

NORIHAN BINTI AB AZIZ

January 2018

Chairman : Salmah Jan Binti Noor Muhammad, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Syair Perang Mengkasar is a history poetry that has been written between the year 1669-1670 by Enci' Amin that is a Hasanuddin's Sultan's palace scribe from Goa-Tallo government. This manuscript recounts on series of wars which occurred between Mengkasar and Netherlands in 17th century in Mengkasar state located in Sulawesi Selatan. Uniqueness and this copy privilege allegedly as the oldest poetry for historical literature attracted researchers' attention to undergo a study with more detailed towards this poetry. The objective of the study is to transliterate and describe *Syair Perang Mengkasar*, to elaborate the Jawi writing system and the elusive vocabulary in the text, and then will analyse war strategies between Mengkasar and Netherlands like those were being told by the author through his poetry in the manuscript. Therefore, this study will be conducted by doing transliteration through philological method. The transliteration process is carried out first to ease the study before conducting further study process of the manuscript. Transliteration is a process that must be done by philologist before conducting further research about the content of a manuscript. Philology theory is applied to do transliteration while analysis towards war strategy in this manuscript will be done by referring to Prophet Muhammad Pbuh's war theory. The findings found that *Syair Perang Mengkasar* is an interesting historical literary work, for example about the history of wars events which occurred in Mengkasar. Apart from using Malay, this manuscript also uses Arabic and several words with Bugis language and Mengkasar. Apart from that, war strategy used by Mengkasar and Netherlands also be looked effective and relevant to be applied nowadays.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam kerana dengan berkat segala limpah rahmat dan segala kurniaNya dapatlah saya menyiapkan Tesis penyelidikan yang bertajuk 'Kebijaksanaan dalam Strategi Perang berdasarkan *Syair Perang Mengkasar*'. Tidak lupa selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, insan yang teragung dan cahaya kemuliaannya menyuluh sinar akidah buat umatnya seluruh alam sepanjang zaman.

Ucapan terima kasih saya tujukan buat Dr. Salmah Jan Binti Noor Muhammad, Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan atas segala tunjuk ajar dan panduan serta idea-idea yang diberikan sepanjang proses penghasilan kajian penyelidikan ini dilakukan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya tujukan buat Prof. Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang turut sama-sama memberi tunjuk ajar dan panduan berguna yang sangat-sangat membantu dalam penyediaan tesis ini.

Seterusnya, terima kasih juga ditujukan kepada para pensyarah, pegawai, dan semua staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM dan Sekolah Pengajian Siswazah, UPM atas segala panduan dan penerangan yang diberikan sepanjang bergelar pelajar di UPM. Tidak lupa buat para pegawai dan semua staf, Muzium Seni Asia, UM, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Akademi Pengajian Melayu, UM, Dewan Bahasa dan Pustaka yang banyak membantu saya dalam mengumpul segala maklumat dan bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan sehingga terhasilnya sebuah tesis penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga tidak dilupakan buat ibubapa dan seluruh ahli keluarga tercinta dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah jemu dalam memberi kata-kata semangat, sokongan, serta dorongan juga sentiasa mendoakan kejayaan saya selama ini.

Sekian, terima kasih.

Norihan Ab Aziz
GS41309

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 12 Januari 2018 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norihan Binti Ab Aziz bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Kebijaksanaan dalam Strategi Perang Berdasarkan *Syair Perang Mengkasar*” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hasnah Binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunkasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunkasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Awang Azman Bin Awang Puzi, PhD

Profesor Madya
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

NOR AINI BINTI AB.SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Salmah Jan Binti Noor Muhammad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikisasi data dalam tesis ini, dan integriti (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norihan Binti Ab Aziz (GS41309)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Salmah Jan Binti Noor Muhammad

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	1
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Kepentingan Kajian	5
	1.5 Batasan Kajian	5
	1.6 Pemilihan Bahan	6
	1.7 Sinopsis <i>Syair Perang Mengkasar</i>	6
	1.8 Definisi Konsep	9
	1.8.1 Kebijaksanaan	9
	1.8.2 Strategi Perang	9
	1.8.3 Transliterasi	10
	1.9 Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Kajian tentang Transliterasi Naskhah	11
	2.3 Strategi Perang	13
	2.4 <i>Syair Perang Mengkasar</i>	15
	2.5 Kesimpulan	17
3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	18
	3.2 Kaedah Kajian	18
	3.3 Kerangka Konsep Kajian	18
	3.4 Pendekatan Filologi	18
	3.4.1 Sejarah Ilmu Filologi	19
	3.4.2 Istilah Filologi	21
	3.4.3 Tatacara Filologi	22
	3.5 Rasional Pemilihan Teori dan Pendekatan	25
	3.6 Strategi Perang Nabi Muhammad SAW	29
	3.6.1 Strategi dalam Mengadakan Musyawarah	30
	3.6.2 Strategi Membentuk Pasukan Khas dan Perisik	31

3.6.3	Strategi dalam Pemilihan Lokasi Strategik	31
3.6.4	Strategi Mengalahkan Musuh Tanpa Bertempur	32
3.6.5	Strategi Menyerang Secara Mengejut	32
3.6.6	Strategi Kelengkapan Persenjataan	33
3.6.7	Strategi Kecepatan Pergerakan	33
3.6.8	Strategi Membangkitkan Semangat Juang Kaum Muslimin	33
3.7	Pengaplikasian Pendekatan Strategi Perang Nabi Muhammad SAW	34
3.8	Kesimpulan	35
4	TRANSLITERASI DAN DESKRIPSI NASKHAH SYAIR PERANG MENGKASAR	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Transliterasi Teks Syair Perang Mengkasar	36
4.3	Deskripsi Naskhah	36
4.3.1	Naskhah A	36
4.3.2	Naskhah B	37
4.3.3	Salasilah Versi Naskhah yang Dikaji	37
4.3.4	Pengarang Naskhah	38
4.3.5	Gaya Bahasa	38
4.3.6	Teknik Penulisan	41
4.4	Sistem Tulisan Jawi dalam Teks <i>Syair Perang Mengkasar</i>	42
4.4.1	Bentuk Penulisan	43
4.4.2	Sistem Ejaan	48
4.4.3	Sistem Perlambangan Vokal	52
4.4.4	Ketidakteraturan Ejaan	55
4.4.5	Pemakaian Tanda Titik Diakritik	57
4.4.6	Ejaan Kosa Kata Pinjaman Arab	58
4.5	Aspek Kosa kata dalam Naskhah <i>Syair Perang Mengkasar</i>	59
4.5.1	Kosa kata Pinjaman Bahasa Arab	59
4.5.2	Kosa Kata Pinjaman Bahasa Sanskrit	65
4.5.3	Kosa Kata Pinjaman Lain	67
4.6	Kesimpulan	68
5	STRATEGI PEPERANGAN MENGKASAR DAN BELANDA DALAM SYAIR PERANG MENGKASAR	
5.1	Pengenalan	70
5.2	Perancangan yang sistematik	70
5.2.1	Strategi dalam Membentuk Pasukan	73
5.2.2	Strategi dalam Mengatur Pasukan	77
5.2.3	Strategi dalam Penyediaan Kelengkapan Persenjataan	80
5.2.4	Strategi dalam Melakukan Persediaan awal	85
5.3	Mengenal pasti Kekuatan dan Kelemahan Pasukan dan Musuh	88
5.3.1	Strategi dalam Perisikan	88
5.3.2	Strategi dalam Pemilihan Lokasi Pertempuran	91
5.3.3	Strategi dalam Mewujudkan Suasana Peperangan	94
5.4	Teknik Melumpuhkan Musuh	97
5.4.1	Strategi Menyerang dengan Api	97
5.4.2	Strategi Merosakkan Harta Benda Musuh	99
5.4.3	Strategi Menimbulkan Huru-hara	101

5.5 Faktor Dalam dan Luaran	103
5.5.1 Pengaruh Faktor Moral dalam Strategi Perang	103
5.5.2 Pengaruh Faktor Alam dalam Strategi Perang	106
5.6 Kesimpulan	108
6 KESIMPULAN	109
BIBLIOGRAFI	115
LAMPIRAN	120
BIODATA PELAJAR	191



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3. 1	Senarai Huruf Arab	25
4. 1	Contoh Penulisan Huruf <i>Pa</i> (ف) dalam <i>SPM</i>	44
4. 2.	Contoh Penulisan Huruf <i>ga</i> (غ) dalam <i>SPM</i>	45
4. 3	Contoh penyambungan huruf bagi perkataan dalam <i>SPM</i>	46
4. 4	Contoh Penggunaan Tanda Angka Arab (٧) dalam <i>SPM</i>	47
4.5	Contoh perkataan yang dieja mengikut Ejaan Tradisi dalam <i>SPM</i>	49
4. 6	Contoh perkataan mengikut Ejaan Lazim dalam <i>SPM</i>	50
4. 7	Contoh perkataan mengikut Hukum <i>Ka</i> dan <i>Ga</i> dalam <i>SPM</i>	51
4. 8	Contoh perkataan mengikut <i>Ha-Aha</i> dalam <i>SPM</i>	52
4. 9	Sistem Vokal Huruf Jawi	52
4.10	Contoh perkataan yang menggunakan vokal <i>a</i> (ا) dalam <i>SPM</i>	53
4.11	Contoh perbandingan ejaan perkataan bagi huruf vokal dalam naskhah <i>SPM</i> dengan Ejaan Jawi Baharu	54
4. 12	Contoh perbandingan ejaan perkataan bagi huruf konsonan dalam naskhah <i>SPM</i> dengan Ejaan Jawi Baharu	54
4.13	Contoh ketidakseragaman ejaan perkataan dalam <i>SPM</i>	55
4. 14	Contoh Pemakaian Tanda Titik Diakritik dalam <i>SPM</i>	57
4. 15	Contoh perkataan daripada bahasa Arab dalam <i>SPM</i>	59
4. 16	Contoh perkataan daripada Bahasa Sanskrit	65
4. 17	Contoh perkataan daripada Bahasa Bugis/Makassar dalam <i>SPM</i>	67
5.1	Senarai tugas golongan istana Mengkasar dalam peperangan	79
5.2	Contoh Jenis-jenis senjata yang digunakan oleh dan Belanda	84

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka teori dan pendekatan	28
4.1	Salasilah Versi Naskhah A dan B	37
5.1	Susun atur kedudukan tentera Mengkasar dalam peperangan	79



SENARAI SINGKATAN

IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KOMSAS	Komponen Sastera
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
SAW	<i>Salallahualaihiwasallam</i>
SPM	<i>Syair Perang Mengkasar</i>
VOC	<i>Vereenigde Oostindische Compagnie</i>



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Syair Perang Mengkasar (SPM) ialah sebuah syair sejarah yang telah dikarang antara bulan Jun 1669 hingga Jun 1670 oleh Encik Amin. Beliau merupakan jurutulis kepada Sultan Hasanuddin yang menduduki takhta kerajaan Goa pada tahun 1660-an. Syair ini menceritakan tentang sejarah peperangan antara kerajaan Goa dengan Belanda atau VOC (*Vereenigde Oostindische Compagnie*) yang turut dibantu oleh bangsa Bugis, peperangan ini yang telah berlaku pada tahun 1667-1668 di Makassar yang terletak di Sulawesi Selatan.

SPM ialah sebuah naskhah yang bukan sahaja menceritakan tentang peristiwa perang yang berlaku antara Mengkasar yang terdiri daripada Goa dan Tallo dengan pihak VOC atau Belanda sekitar abad ke-17, bahkan ia turut membongkarkan tentang pengkhianatan sesama bangsa Melayu yang berlaku. Pada masa itu terdapat beberapa watak orang Melayu seperti Arung Palaka atau turut dikenali sebagai Tenderuk dalam naskhah ini yang sanggup membelot kepada bangsa dan agama sendiri dengan memberi kerjasama kepada pihak asing sehingga menyaksikan keruntuhan sebuah kerajaan Islam yang sepatutnya dipertahankan. Perkara ini seharusnya tidak dipandang remeh oleh masyarakat pada masa kini kerana ia melibatkan masa depan bangsa Melayu dan kepentingan agama Islam. Menurut Abdul Rahman Abu (1978:305), pada awalnya syair ini dikenali sebagai *Syair Sipelman* sebelum diubah kepada *Syair Perang Mengkasar*. Hal ini kerana tajuk *Syair Sipelman* tidak sesuai kerana watak Cornelis Sipelman yang terdapat dalam *SPM* ini bukanlah tokoh utama atau watak penting dalam peristiwa ini. Sipelman bukannya tokoh utama dalam syair ini. Lagi pula apa yang diperhatikan oleh penyair naskhah ini, bukanlah perjuangan seorang tokoh, melainkan apa yang berlaku dalam peperangan Mengkasar dan Belanda.

Selain itu, naskhah ini juga menarik untuk dikaji kerana ia menceritakan tentang strategi-strategi yang telah digunakan dalam peperangan, selain mendedahkan kepada masyarakat keseluruhannya mengenai konflik-konflik yang berlaku dalam peristiwa sejarah bangsa Melayu yang telah menyaksikan jatuh bangunnya sesebuah empayar tersebut. Selain itu juga, satu perkara yang dianggap unik tentang naskhah *SPM* selain ditulis dalam bahasa Melayu ia turut menyelitkan pengaruh bahasa Makasar oleh pengarangnya yang merupakan seorang Melayu berketurunan Makasar.

1.2 Pernyataan Masalah

Naskhah *SPM* merupakan sebuah karya pensejarahan yang bertemakan peperangan dan disampaikan dalam bentuk puisi. Namun begitu, kehebatan sesebuah karya sastera dalam sesebuah manuskrip pastinya gagal menarik perhatian masyarakat jika tidak dilakukan

proses transliterasi terlebih dahulu. Transliterasi ialah satu proses menukarkan sesuatu aksara kepada aksara yang lain, contoh dari aksara Jawi kepada Rumi. Mana Sikana (2003: 365) mengatakan bahawa, transliterasi ialah satu proses penggantian jenis tulisan, huruf demi huruf dari abjad kepada satu abjad yang lain. Hasil daripada transliterasi yang dijalankan maka muncul ramai sarjana yang membicarakan tentang naskah Melayu di dalam pengkajian mereka.

Melalui transliterasi, perbincangan ini akan dapat difahami secara keseluruhan isi kandungannya dan memudahkan penganalisisan teks. Transliterasi ialah satu proses yang wajib dilakukan oleh ahli filologi sebelum menelaah lebih lanjut terhadap naskah Melayu. Sesebuah naskah Melayu ditulis dengan menggunakan sistem tulisan yang agak berbeza berbanding dengan sistem tulisan pada zaman ini, namun begitu isi teksnya mengandungi ilmu-ilmu yang masih lagi relevan untuk diaplikasikan oleh masyarakat kini. Justeru, perlunya proses transliterasi dilakukan untuk memudahkan proses pembacaan bagi penyaluran ilmu dan maklumat oleh generasi kini. Menurut Panuti Sudjiman (1995: 99),

Sebuah teks lama dibuat transliterasinya kerana aksara yang digunakan di dalam teks tersebut semakin asing bagi orang kebanyakan, sedangkan isi teks itu sendiri dianggap masih relevan dan penting untuk dilestarikan.

Namun begitu, aktiviti mentransliterasi teks bukan satu tugas yang mudah kerana ia bukan sekadar memindahkan teks dari aksara Jawi kepada Rumi semata-mata. Salmah Jan Noor Muhammad (2006: 24), mengatakan bahawa transliterasi dilakukan bukan hanya setakat menukarkan aksara Jawi kepada aksara Rumi, tetapi juga perlu melakukan proses tanda baca seperti noktah, koma, tanda tanya, tanda seru, dan sebagainya yang sesuai dimasukkan mengikut pengamatan yang dilakukan oleh pengkaji. Tanpa tanda baca yang sesuai pastinya akan menimbulkan perbezaan makna dalam teks tersebut. Siti Baroroh Baried (Ed) (1981: 102) pula mengatakan bahawa,

Penulisan kata-kata yang tidak mengindahkan pemisahannya serta penempatan tanda baca yang tidak tepat dapat menimbulkan erti yang berbeza, sedang pada ejaan prinsip dasarnya adalah kejelasan di samping mengikuti ejaan yang sudah dibakukan.

Oleh itu, hal ini tidak sepatutnya dipandang remeh oleh para pengkaji dalam filologi kerana ia memberi kesan yang besar dalam pembacaan dan pemahamannya oleh khalayak pembaca. Walaupun proses ini adalah satu proses penting dalam filologi, namun begitu masih ada segelintir pengkaji yang melanggar tatacara transliterasi sehingga mengakibatkan kecacatan dan ketidaktelesan dalam kajian sekaligus menjadikan kajian itu dianggap gagal. Siti Hawa Haji Salleh (1999a: 7), menjelaskan bahawa sebahagian daripada faktor penyebab sesebuah kajian itu dianggap gagal adalah kerana penelitinya tidak berpandukan prinsip ilmu filologi dan menyimpang daripada peraturan biasa yang terdapat dalam ilmu tersebut. Selain itu, kegagalan filologi juga adalah disebabkan oleh sikap terburu-buru sesetengah pengkaji dalam membuat

keputusan. Prinsip filologi tersebut adalah terdiri daripada inventarisasi naskhah, perbandingan naskhah, dasar-dasar penentuan naskhah, deskripsi naskhah dan transliterasi naskhah.

Naskhah *SPM* juga memiliki kelebihan dan kekuatannya yang tersendiri berdasarkan kajian yang pernah dijalankan oleh para sarjana. Syair ini diceritakan oleh pengarangnya dengan memberi fakta-fakta yang jelas mengenai siri peperangan yang dahsyat antara Melayu Mengkasar dengan Belanda. Walaupun syair ini merupakan sebuah syair sejarah yang sangat menarik dan mempunyai unsur keindahannya yang tersendiri, namun begitu ia kurang mendapat perhatian oleh sarjana untuk dikaji samada dari aspek sejarah mahupun sastera. Menurut Muhammad Yusof Hashim (1988: 400):

“Sebaliknya melalui syairnya itu, pengarang telah memberikan fakta-fakta sejarah yang benar-benar mengisahkan suatu episod dan peristiwa peperangan yang dahsyat berlaku di antara Melayu Mengkasar (Makassar) dengan tentera Kompeni Syarikat Hindia Timur Belanda (Vereenigde Oostindische Compagnie atau V.O.C.) yang diketuai oleh Laksmana Cournelius Spellman. Syairnya menjadi hasil sastera yang sangat indah”.

“Tetapi yang anehnya, karya puisi ini kurang sekali mendapat perhatian baik oleh sarjana sastera mahupun oleh sarjana sejarah, untuk diselidiki nilai dan isi sejarahnya di samping nilai sasteranya”.

SPM juga dipercayai sebagai sebuah syair tertua ditemui yang diterima oleh khalayak pembaca. Muhammad Yusof Hashim (1998: 399), turut mengatakan bahawa di kalangan naskhah-naskhah Melayu bertulis, nampaknya *SPM* merupakan satu-satunya syair Melayu yang bercorak sejarah yang tertua pernah ditemui. Di dalam bukunya *Persejarahan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber, Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskhah-naskhah Terpilih Sejarah Melayu* (1988), Muhammad Yusof Hashim juga telah menimbulkan satu persoalan tentang mengapa karya berbentuk puisi seperti naskhah *SPM* ini kurang menarik perhatian para sarjana sejarah ataupun sastera untuk dilakukan penelitian yang lebih terperinci sedangkan ia adalah sebuah naskhah yang sangat hebat dan memiliki nilai dan isi-isi sejarahnya yang cukup menarik. Oleh itu, adalah menjadi satu kerugian yang besar kepada bangsa Melayu sekiranya karya yang sehebat ini hanya disimpan sebagai khazanah warisan masyarakat tradisional semata-mata tanpa dilakukan sebarang penelitian yang dapat memberi manfaat yang besar bernilai kepada generasi pada hari ini.

Pada kebiasaannya sesebuah karya yang bercorak sastera sejarah ia tidak boleh lari daripada membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pihak istana dan tentang kemegahan raja-raja kerana kebanyakan sastera genre ini ditulis oleh jurutulis istana berdasarkan perintah pihak istana. Namun begitu sebagai sebuah karya yang berbentuk puisi, didapati bahawa di dalam naskhah *SPM* ini pengarangnya tidak banyak menceritakan hal-hal yang berkaitan dengan raja atau pihak istana, ataupun kisah mitos atau legenda yang turut terdapat di dalam karya bercorak sejarah. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Ali Ahmad (1987: 11), kebanyakan raja-raja di dalam karya sastera

sejarah ini selalunya dihubungkan dengan mitos. Beliau (1987: 14) turut mengatakan bahawa, bagi kisah yang berkaitan dengan lagenda pula ia merupakan salah satu jenis sastera rakyat Melayu yang kerap digunakan oleh pengarang sastera sejarah. Sebaliknya di dalam naskhah ini, penceritaannya melalui puisi ini lebih banyak tertumpu kepada peristiwa-peristiwa perang antara Mengkasar dan Belanda berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah dan yang benar-benar berlaku pada masa itu.

Selain itu, Liaw Yock Fang (1978: 203), di dalam bukunya yang bertajuk *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* berpendapat bahawa, sastera sejarah dianggap sebagai sebuah karya sastera yang paling penting kerana hampir setiap kerajaan di Nusantara memiliki sejarah masing-masing. Begitu juga dengan naskhah *SPM* yang dikatakan sebagai sebuah syair yang sangat penting untuk dikaji kerana ia turut memiliki kisah sejarahnya yang tersendiri untuk dikongsikan bersama-sama dengan generasi kini. Liaw Yock Fang (1978: 305), turut mengatakan bahawa, syair sejarah adalah tidak lain dari syair perang dan menganggap naskhah *SPM* adalah salah sebuah syair sejarah yang sangat penting di samping beberapa syair sejarah yang lain seperti *Syair Kompeni Belanda Berperang dengan Cina*, *Syair Perang di Banjarmasin*, *Syair Raja Siak*, dan *Syair Perang Johor*. Beliau juga tidak menolak kemungkinan bahawa *SPM* juga merupakan sebuah syair Melayu tertua yang diketahui oleh masyarakat.

Pendapat tokoh dan ilmunan di atas, terutamanya yang dijalankan oleh para sarjana dahulu kebanyakannya hanya tertumpu kepada aspek sejarah semata-mata. Namun begitu sebenarnya jika diteliti, terdapat aspek lain yang dominan dalam membentuk penceritaan ini, iaitu strategi perang antara Melayu Mengkasar dengan Belanda. Strategi perang ini menonjolkan bagaimana orang Melayu dan Belanda mempersiapkan proses peperangan masing-masing. Kedua-dua pihak mempunyai strategi peperangannya yang tersendiri yang digunakan bagi memastikan kemenangan menjadi milik mereka, dan ia merupakan satu maklumat yang sangat menarik untuk dikongsi oleh khalayak pembaca. Berdasarkan kepada keterangan dalam bahagian sebelum ini maka, beberapa persoalan utama dalam kajian ini yang akan dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Apakah tatacara yang berkesan dalam menjalankan proses transliterasi?
2. Bagaimanakah penggunaan sistem tulisan Jawi pada masa itu?
3. Apakah jenis-jenis strategi perang yang terdapat dalam naskhah *SPM*?

1.3 Objektif Kajian

Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mentransliterasikan dan mendeskripsikan naskhah dari aspek perihal naskhah, gaya bahasa, teknik penulisan, dan pengaruh bahasa asing dalam naskhah *Syair Perang Mengkasar*.
2. Menghuraikan sistem tulisan Jawi dan kosa kata yang sukar difahami dalam naskhah *Syair Perang Mengkasar*.
3. Menganalisis strategi perang antara Mengkasar dan Belanda dalam naskhah *Syair Perang Mengkasar*.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada orang ramai, terutama sekali bagi para pelajar dan juga pihak institusi pengajian awam dan swasta dan badan-badan atau organisasi-organisasi tertentu bagi hal-hal yang relevan untuk diketengahkan dalam urusan bidang masing-masing.

Selain itu, ia dapat memberi pengetahuan baru dan maklumat terkini kepada para pengkaji dan penggiat karya sastera berkenaan dengan genre puisi tradisional ini, sekaligus dapat menyebarkan lagi pengkajian terhadap naskhah ini pada masa yang akan datang.

Seterusnya, ia juga dapat memberi pengetahuan kepada para pembaca, dan juga sedikit sebanyak akan dapat menarik minat golongan ini untuk mendalami pengkajian terhadap bidang filologi yang selama ini merupakan satu bidang sastera yang dipandang agak sepi oleh para pelajar sastera dan juga masyarakat. Sekaligus dapat menambahkan bilangan pakar dan sarjana di dalam bidang pengkajian naskhah pada masa yang akan datang.

Selain itu, pengkajian ini juga dapat dijadikan sebagai pedoman kepada para pemimpin negara dan kerajaan terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan dengan strategi-strategi dalam peperangan yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan dalam usaha menjaga dan memelihara keamanan dan kedaulatan negara daripada ancaman pihak luar.

1.5 Batasan Kajian

Pengkajian ini akan menggunakan dua naskhah sebagai bahan rujukan yang disebut sebagai bahan utama dan bahan pelengkap. Bahan utama yang akan dirujuk sebagai subjek kajian adalah naskhah puisi tradisional iaitu *Syair Perang Mengkasar* dengan kod UM81.163 (naskhah utama) yang telah dikarang oleh Encik Amin yang merupakan seorang jurutulis kepada Sultan Hassanuddin yang memerintah antara tahun 1653 sehingga 1669 dan merupakan raja ke-16 yang menduduki takhta kerajaan Goa. Menurut Encik Abdul Aziz Rashid, Kurator Muzium Seni Asia UM, manuskrip yang menjadi koleksi Muzium Seni Asia, Universiti Malaya ini telah dibeli oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid pada tahun 1981 ketika beliau masih memegang jawatan sebagai Naib Canselor Universiti Malaya. Naskhah ini akan disebut sebagai naskhah A dan akan menjadi pegangan utama dalam kajian ini. Selain itu, sebuah lagi naskhah *SPM* yang menggunakan kod *MSS 2184* (naskhah pelengkap) yang merupakan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia turut digunakan dalam kajian ini sebagai sumber rujukan pelengkap dan akan disebut sebagai naskhah B.

1.6 Pemilihan Bahan

Pemilihan sesebuah naskhah yang akan dikaji adalah berdasarkan kepada aspek isi teks, tulisan, bahasa, dan keadaan naskhah. Naskhah yang sempurna keadaannya serta mempunyai isi teks yang lengkap serta mudah untuk dibaca merupakan kriteria utama dalam perbincangan ini.

Pemilihan naskhah A bagi naskhah *SPM* yang menggunakan kod *UM81.163* sebagai bahan utama di dalam perbincangan ini adalah kerana naskhah ini mempunyai isi teks yang lengkap, mudah dibaca kerana tulisan tangan yang agak cantik dan konsisten dan mempunyai saiz tulisan standard, serta mempunyai kolofon pada akhir ayat. Ayatnya mudah difahami, namun begitu ada sesetengah perkataan yang sukar untuk difahami kerana ia mungkin merupakan perkataan bahasa daerah pengarang atau penyalin. Apa yang unik mengenai naskhah ini, ia merupakan sebuah syair yang disalin dalam bentuk prosa serta memiliki jalan ceritanya yang sangat menarik.

Manakala, naskhah B *SPM* yang menggunakan kod *MS2184* walaupun memiliki bentuk tulisan yang mudah dibaca namun begitu isi teksnya tidak lengkap, dengan 36 rangkap pertamanya telah hilang. Oleh itu, ia dijadikan sebagai sumber rujukan pelengkap tambahan kepada naskhah A dalam kajian ini.

1.7 Sinopsis Syair Perang Mengkasar

Syair ini dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah, rasul, sahabat-sahabat baginda dan sultan yang memerintah oleh pengarang, dan ceritanya dimulakan dengan kisah Belanda yang telah berpakat dengan Raja Palaka untuk menentang negeri Mengkasar. Belanda yang diwakili oleh Cornelis Sipelman telah mengadakan pertemuan dengan Bugis yang diwakili oleh Tenderuk bagi merancang satu pakatan untuk menentang negeri Mengkasar yang ketika itu di bawah pemerintahan Sultan Hasanuddin dari kesultanan kerajaan Goa.

Kemudian, diceritakan pula tentang kedatangan Belanda dengan beberapa buah kapal ke Mengkasar. Kedatangan mereka telah menimbulkan pelbagai persoalan kepada rakyat Mengkasar. Justeru, baginda sultan telah memanggil jurutulisnya iaitu Enci' Amin bagi menulis surat kepada pihak Belanda bertanya tujuan kedatangan Belanda ke Mengkasar dan menitahkan agar seorang hulubalang yang bernama Jabar membawa surat tersebut kepada pihak Belanda bagi bertanyakan tentang segala kehendak mereka. Naskhah ini seterusnya menceritakan tentang seorang wakil Belanda yang membawa surat telah tiba di Mengkasar lalu dibawa ke balai bagi mengadap baginda Sultan Goa (selepas ini baginda sultan). Setelah mendengar segala isi surat tersebut maka timbullah kemarahan baginda sultan serta semua yang hadir termasuk anak-anak raja sekaliannya. Selesai pertemuan itu, wakil Belanda tersebut telah ditahan sebelum dilepaskan pulang pada keesokan harinya.

Cerita diperkembangkan dengan tindakan Belanda yang diketuai oleh Jeneral yang telah menyerang Buton. Keraeng Bonto Marannu dan Keraeng Petitai bertanggungjawab mengetuai peperangan ini bagi pihak Mengkasar. Walau bagaimanapun, Keraeng Petitai telah syahid dalam peperangan tersebut setelah dadanya dibedil oleh Belanda. Mayatnya telah dibawa pulang oleh anakanda baginda, Keraeng Ketapang dan kepulauan baginda disambut dengan perasaan sedih oleh segala rakyatnya. Sementara itu, melihat keadaan segala rakyat yang nampak lemah, Keraeng Bonto Marannu yang cerdik ini telah bertindak menyerah kalah. Beliau telah bertindak berpaling tadah dengan berpakat dengan Belanda dan Bugis yang diketuai oleh Raja Palaka (Tenderuk) untuk bersama-sama menentang Mengkasar. Walau bagaimanapun, tindakan beliau telah ditentang oleh para pengikutnya lalu beliau telah bertindak membunuh semua rakyatnya yang menentang pakatan tersebut.

Dikisahkan pula mengenai Raja Balanipah yang telah menitahkan rakyat baginda untuk menentang Belanda dan Bugis. Dengan berengkapkan segala senjata dan genderang, semua rakyat turun ke kapal untuk berperang dengan Belanda. Selain daripada bangsa Bugis, Belanda turut menjemput kerajaan Maluku dan Ambon, serta Bone menyertai pakatan untuk menentang Mengkasar. Tawaran tersebut telah disambut baik oleh ketigatiga pihak tersebut. Raja Buton dan Raja Ternate juga turut bersetuju untuk membantu Belanda menentang Mengkasar. Setelah mendengar khabar mengenai pakatan negeri-negeri tersebut, maka Raja Goa telah menitahkan agar memanggil adinda baginda di Telok untuk bermesyuarat. Setelah dimaklumkan akan perkara tersebut, Sultan di Telok berjanji kepada baginda sultan untuk menyerang Bone. Selang beberapa hari, Raja Telok dengan diringi oleh Daeng anak Burakne telah membawa angkataannya masuk menyerang Bone.

Dalam episod lain, diceritakan tentang Sultan di Telok yang membawa angkatan tenteranya seramai 260 orang dengan menaiki pilang untuk menyerang Mampu. Tidak berapa lama berperang, kemenangan berpihak kepada Mengkasar setelah pihak lawan telah tewas dan melarikan diri. Setelah tewas dalam peperangan, maka Raja Mampu telah bertindak mengadap baginda sultan dan memohon ampun di atas perbuatannya.

Setelah selesai peperangan di Bone, Sultan di Telok dan segala angkataannya telah masuk dan menyerang negeri Pattiro. Peperangan ini juga turut berpihak kepada pihak Mengkasar, setelah pihak Bugis ramai yang telah menyerah kalah dan telah mengadap dan memohon ampun kepada baginda sultan. Baginda sultan merasa sangat gembira dan telah menitahkan orang menjemput paduka adindanya agar pulang ke istana. Sementara itu, dalam peristiwa lain, Belanda bersama-sama Ambon dan Maluku yang telah belayar dari Buton menuju ke Bantaeng untuk melakukan serangan, manakala Tenderuk pula telah singgah di Pattiro bagi mengumpulkan segala Bugis. Ketibaan Belanda, Ambon, dan Maluku di Bantaeng telah disambut dengan segala kelengkapan perang oleh Keraeng Bonto Majanang dan Keraeng Balok di kubu Mengkasar.

Peperangan yang berlaku antara Mengkasar dan Belanda di Kampung Cina turut diceritakan oleh pengarang. Dalam peperangan tersebut, Mengkasar diwakili dengan beberapa orang bangsawan seperti Datuk Seri Amar Penghulu Campa, Encik Haris, Encik Jamal, dan beberapa yang lain dengan bantuan daripada Peter Ingeris dan Mister

Banil telah menyerang Belanda. Peperangan ini berlarutan sehingga ke malam hari dan menyaksikan banyak nyawa pihak Belanda dan Bugis yang terkorban. Kemudian, diceritakan pula tentang Belanda dan Bugis yang telah menyerang Batu-Batu, maka Belanda, Bugis, Maluku, dan Buton telah naik ke darat dengan segala senjatanya untuk menyerang Mengkasar. Dalam peperangan ini ramai pihak Belanda yang telah telah mati.

Setelah mengalami kekalahan teruk dalam peperangan di Batu-Batu, diceritakan pula mengenai pakatan yang dirancang oleh Belanda dan Bugis serta sekutunya untuk menyerang Galesong. Dalam siri peperangan ini, Kornilis Sipelman turun padang bersama-sama sekutunya untuk menyerang Mengkasar. Raja-raja Mengkasar yang terdiri daripada Keraeng Jeranika, Keraeng Panang, Keraeng Mamu, Keraeng Bonto Sunggu, Daeng Mabela Muda, Daeng Rabuku Syahbandar, dan beberapa ramai lagi yang turut serta bersama-sama dengan hulubalang Mengkasar menentang Belanda dalam peperangan ini.

Peperangan di Galesong ini digambarkan terlalu sengit dan berlarutan selama beberapa hari dengan semua keraeng begitu bermati-matian menentang kemaraan Belanda. Setelah beberapa lama berperang, ramai hulubalang Mengkasar dan Belanda yang telah terkorban dalam peperangan tersebut. Apa yang lebih mendukacitakan Daeng Mabela Muda dan Daeng Rabuku Syahbandar turut syahid dan kematian mereka telah menimbulkan kesedihan yang amat kepada seluruh rakyat Mengkasar dan seisi istana. Setelah tamat perang di Galesong, dikisahkan sekali lagi mengenai peperangan antara Belanda dan Mengkasar di Batu-Batu. Peperangan di Batu-Batu ini, Keraeng Jeranika, Datuk Maharajalela, Datuk Seri Amiral Diraja, bersama-sama rakyat Mengkasar, Minangkabau, dan Melayu bersatu menentang pencerobohan Belanda.

Seterusnya, diceritakan pula oleh pengarang secara ringkas mengenai kisah Laik dan Benggali yang memainkan tipu-helah dengan bersikap talam dua muka bagi pihak Mengkasar dan Belanda bagi kepentingan dirinya. Kemudian, diceritakan pula mengenai satu mesyuarat antara Mengkasar dengan Belanda dan sekutunya bagi membincangkan isu perdamaian antara kedua-dua belah pihak yang telah diadakan di Bungaya. Hasil pertemuan ini, Panjam telah diberikan kepada Belanda. Dalam pakatan antara Belanda dengan Keraeng Bangkal dan Keraeng Laik pula, mereka telah menyerang Senderabone. Dalam peperangan tersebut pihak Senderabone selain disertai oleh Keraeng Senderabone, ia turut dibantu oleh Keraeng Jeranika bersama-sama hulubalangnya. Selama beberapa hari berperang menyaksikan ramai rakyat Mengkasar dan Bugis yang terkorban.

Seterusnya diceritakan pula mengenai peperangan di Balang Burah antara Mengkasar dan Belanda yang turut disertai oleh Bugis, Maluku dan Buton. Dalam peperangan ini Mengkasar telah diwakili oleh Keraeng Jeranika dan Keraeng Mamu sebagai ketua perang. Peperangan sengit yang berlaku beberapa hari ini akhirnya telah memaksa Keraeng Jeranika dan angkatannya berundur ekoran serangan hebat daripada Belanda. Dalam peperangan ini juga telah menyaksikan Kota Mengkasar yang terbakar oleh tindakan Tenderuk, sekaligus melumpuhkan angkatan pasukan Mengkasar dan akhirnya mereka telah membuat keputusan berundur ke Goa setelah diperkenankan oleh baginda

sultan. Setelah hampir lima tahun berperang akhirnya Mengkasar terpaksa akur dengan kemenangan yang telah berpihak kepada Belanda dan pakatannya.

1.8 Definisi Konsep

1.8.1 Kebijakan

Fledderman (2006: 21) mengatakan bahawa kebijaksanaan membawa dua erti yang berbeza, di mana definisi pertama ialah seseorang itu disebut sebagai bijaksana dalam bidang kerjanya apabila dia dapat merahsiakan segala maklumat tentang pelanggan atau pesakitnya. Definisi kedua bagi kebijaksanaan ialah kemampuan seseorang dalam membuat keputusan secara autonomi. Kebijakan menurut Soccio (2010: 13) pula ialah,

Wisdom is a fundamental understanding of reality as it relates to living a good life; reasonable and practical, focusing on the true circumstances and character of each individual; good judgement about complex situations involving reflection, insight, and a plausible conception of the human condition.

Hal ini menjelaskan bahawa kebijaksanaan ialah kemampuan seseorang dalam mengatur urusan kehidupan dengan baik, contohnya dalam urusan kekeluargaan, pekerjaan, kewangan, pendidikan, dan sebagainya. Selain itu, membuat sesuatu keputusan dengan tepat dan betul juga merupakan satu kebijaksanaan dalam kehidupan.

1.8.2 Strategi Perang

Strategi perang menurut Mohammad Faisol Keling (Ed), (2006: 4), adalah cara-cara penggunaan ketenteraan (*the use of force*) yang digunakan oleh sesebuah negara untuk mencapai sesuatu matlamat. Secara umumnya, strategi mempunyai hubungan yang rapat dengan sesuatu perancangan peperangan dan cara pelaksanaan sesuatu peperangan. Clausewitz (1968: 241) pula mengatakan bahawa:

Strategy is the employment of the battle to gain of the war; it must therefore give an aim to the whole military action, which must be accordance with the object of the war; in other words, Strategy forms the plan of the war; and to the end it links together the series of acts which are to lead to the final decision, that is to say, it makes the plans for the separate campaigns and regulates the combats to be fought in each

Secara ringkasnya, strategi perang ialah merupakan penerapan cara atau kaedah yang digunakan oleh pasukan tentera dalam peperangan dari aspek fizikal mental yang merangkumi kekuatan ekonomi, politik dan pemikiran bagi memastikan keberkesanan perancangan serta taktik serangan terhadap pasukan musuh memastikan kemenangan menjadi milik mereka.

1.8.3 Transliterasi

Panuti Sudjiman (1995: 99) mendefinisikan transliterasi sebagai mengalihkan aksara atau menggantikan aksara yang sebelum ini kurang dikenali dengan aksara yang lain iaitu yang telah lama dikenali. Sesebuah teks lama telah dilakukan proses transliterasi kerana aksara yang digunakan dalam teks tersebut sudah menjadi semakin asing kepada sebahagian besar masyarakat kini.

Manakala, transliterasi menurut Baroroh Baried (Ed) (1983:101), pula ialah penggantian jenis tulisan, huruf demi huruf dari abjad yang satu ke abjad yang lain. Istilah ini digunakan bersama-sama dengan istilah transkripsi dengan pengertian yang sama pada penggantian jenis tulisan naskhah.

Hal ini menjelaskan bahawa transliterasi ialah satu proses menukarkan suatu aksara kepada aksara yang lain, contohnya dari aksara Jawi kepada aksara Rumi. Transliterasi merupakan satu proses yang wajib dilakukan oleh ahli filologi terhadap naskhah yang dikaji sebelum melakukan penelitian lanjut terhadap naskhah tersebut.

1.9 Kesimpulan

SPM merupakan sebuah syair yang menceritakan tentang peperangan antara Mengkasar dan Belanda pada abad ke-17. Ia sebuah karya sastera yang menceritakan tentang peristiwa peperangan kerajaan Islam Goa dengan pihak VOC dalam perebutan wilayah di Sulawesi Selatan. Juga sebuah kisah perjuangan Melayu Mengkasar dalam mempertahankan tanah air, bangsa dan agama daripada ancaman kuasa asing. Satu kisah sejarah yang memiliki jalan cerita yang sangat menarik untuk dihayati yang disampaikan dalam bentuk syair oleh pengarangnya sekaligus telah menimbulkan kesan emotif kepada para pembaca. Oleh itu, aktiviti transliterasi yang akan dilakukan terhadap naskhah ini, pastinya akan menarik lebih ramai pembaca untuk menelitinya sekaligus mereka akan mendapat ilmu pengetahuan berkenaan strategi-strategi peperangan yang digunakan oleh masyarakat Mengkasar ini. Secara tidak langsung ia akan dapat memberi input yang berguna kepada para pembaca untuk diaplikasikan strategi-strategi ini di dalam pelbagai bidang yang diceburi berdasarkan kepada kesesuaian strategi tersebut contohnya di dalam bidang ketenteraan, perniagaan dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- A.Hasjmy. (1978). *Nabi Muhammad sebagai Panglima Perang*. Penerbit Mutiara. Jakarta: Indonesia.
- Abdul Latip Talib. (2016). *Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinople*. Batu Caves: Publishing House Sdn. Bhd.
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad al-Rasyid. (2015). *Kepimpinan Rasulullah dalam Peperangan*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Abdurahman 'Azam. (2004). *Keagungan Nabi Muhammad SAW : Kepahlawanan dan Keindahan Akhlak Rasulullah*. Batu Caves: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Abu Omar Idris Sulaiman. (2014). *Jihad: Definisi dan Ketetapan-ketetapannya*. Sumber Internet <http://www.ilmusalaf.com/jihad-definisi-jenis-ketetapan-ketetapannya/>. Tarikh capaian 15 Julai 2017, Masa: 9.30 am.
- Afzalur Rahman. (1980). *Muhammad SAW As A Military Leader*. London: Pustaka The Muslim School Trust.
- Ahmad Azan Ridzuan. (Ed). (2013). 'Perang Badar dan Uhud: Satu Analisis Strategi Peperangan dan Pertahanan Nabi Muhammad SAW'. *Jurnal Ulum Islamiyyah Vol 10*. Jun: Hlm 31-51.
- Ahmad Hafidz Ahmad Hilmi. (2011). *Teknologi Senjata dan Peperangan Rasulullah SAW*. Sumber internet. <http://aarepe630.blogspot.my/2011/01/teknologi-senjata-dan-peperangan.html>, Tarikh capaian: 14 Ogos 2016, Masa: 11.08 a.m.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2013). *Hebatnya Rasulullah*. Shah Alam:Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Akhmad Saufan. (2015). 'Strategi dan Diplomasi Perang Rasulullah'. *Jurnal Lektur Keagamaan*. Vol 13 (1): Hlm 107-134.
- Ali Ahmad. (1987). *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amin. (Tanpa Tahun) Manuskrip *Syair Perang Mengkassar* (UM81.163). Kuala Lumpur: Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azharuddin Mohamed Dali. (2014). *Sejarah Perisikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrul Azwar. (1996). *Menjaga Mutu Pelayanan Kesihatan*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Bagus Kurniawan. (2015). "Perbandingan Wacana-wacana Antikolonial dalam Teks Syair Raja Siak dan Syair Perang Mengkasar". *Jurnal Nuansa Indonesia*. Volume XVII, Nomor 1. Februari. Hlm 58-79.
- Chambert-Loir H. & Oman Fathurahman. (1999). *Khazanah Naskah: Panduan Koleksi Naskah-naskah Indonesia Sedunia*: Yogyakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Clausewitz, C.V. (1968). *On War*. England: Penguin Books Ltd.
- Cleary, T. (Ed). (1989). *The Art of War: Completes Text and Commentaries*. Boston: Shambhala Publications Inc.
- Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi* (Jilid I&2). (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fledderman, C.B. (2006). *Etika Enjiniring: Edisi Kedua*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Hafizah Iszahanid. (2012). *Sastera Klasik Dokumentasi Persekitaran*. Berita Harian (8 Mei 2012).
- Haini Wasli. (2000). 'Hikayat Rasulullah: Transliterasi, Perbandingan, dan Analisis Teks'. *Tesis Sarjana Sastera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Ismail. (1991). 'Hikayat Ahmad Muhammad: Transliterasi dan Analisis Teks'. *Tesis Sarjana Sastera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hepi Andi Bastoni. (2009). *Belajar daripada Perang Badar dan Uhud: Strategi Menghadapi Kekalahan*. Sungai Buloh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- <http://www.berdikarionline.com>, Tarikh capaian: 4 Mac 2016, Masa: 10.30 am.
- Ikram Junaid. (2014). *Ekspansi Kerajaan Goa-Tallo dalam Perspektif Maritim*. Sumber Internet <http://anakdadersejarah.blogspot.my/2014/11/ekspansi-kerajaan-goa-tallo-dalam.html>. Tarikh capaian: 23 Oktober 2016, Masa: 9.30 am.
- Imam Nawawi. (2013). *Riyadus Solihin Taman Orang Soleh*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Indirawati Haji Zahid & Mardian Shah Omar (2012). *Fonetik dan Fonologi*. Batu Caves: PTS Akademia Sdn. Bhd.
- Jasni Rahim. (1981) 'Tiga spy KGB Rusia Diusir.' Berita Harian (14 Julai).

- Kamarudin Hj Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Pengajian Melayu 4: Kesusasteraan dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamus Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary Seventh Edition*. (1995). Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia: Edisi Baru*. (2007). Jakarta: Penerbit Pustaka Phoenix.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Khoo Kheng Hor. (Ed). (1992). *Sun Tzu' Art of War*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Liaw Yock Fang. (1978). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lim Swee Tin. (2003). *Teori dan Praktik: Dinamika Kreatif Penulisan Sajak*. Shah Alam. Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Luttwak, E.N. (1995). *Strategi: Logik Peperangan dan Keamanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimunah Osman. (2000). *Perangkap Masa: Panduan Pengurusan Masa Berkesan*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Mana Sikana. (2003). *Sastera Melayu Klasik: Warisan Keemasan*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Manuskrip Syair Perang Mengkasar*. (Tanpa tahun). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mintzberg, H. (1994). *The Rise and Fall of Strategic Planning*. New York: The Free Press.
- Mohamad Faisol Keling & Muhamad Fuad Othman. (2006). *Pengajian Strategi Ilmu sebagai Disiplin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohammad Fauzi. (2013). *Perancangan: pengenalan dan Mukadimah*. Sumber Internet. <https://uniprof.wordpress.com/2013/05/21/perancangan-pengenala-mukaddimah/>, Tarikh capaian: 2 Ogos 2016, Masa: 9.50 Am.
- Mohd Zuhir Abdul Rahman & Shamsul Jamili Yeop. (2015). "Aplikasi Kata Pinjaman Arab dalam Teks Pembelajaran dan Kesannya Terhadap Penguasaan Bahasa Arab". *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*. Volume 1, Issue 1. Hlm 1-12.

- Morgenthau, H.J. (1948). *Politik Antarabangsa*. Indonesia: Yayasan Pustaka Obor.
- Muhammad Abdul Qadir Abu Faris. (1998). *Analisis Aktual Perang Badar dan Uhud Di Bawah naungan Sirah Nabawiyah*. Jakarta: Robbani Press.
- Muhammad Yusoff Hashim, (1988). *Persejaraan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber, Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskhah-naskhah Terpilih Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Muhani Haji Abdul Ghani. (1988). *Teman Pelajar Jawi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Nurhidayah Jumaat. (2010). "Sistem Tulisan Jawi dan Kosa kata dalam Manuskrip *Risalah Hukum Kanun*". *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nurul Huda S.A. (Ed). (2000). *Seni Menipu Ala Sun Tzu*. Yogyakarta: Penerbit Tarawang.
- Panuti Sudjiman. (1995). *Filologi Melayu*. Jakarta: PT Dunia Pustaka Jaya.
- Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah A. Hamid. (Ed). (2014). *Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahmat Ismail. (2006). *12 Rukun Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Roziyah Sidik. (2004). *Genius Muhammad Bin Abdullah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. Salmah Jan Noor Muhammad. (2006). "Transliterasi dan Kajian Pustaka dalam *Bustan al-Salatin*." *Tesis Sarjana Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sawyer, R.D.(Ed). (1994). *The Art of War*. USA: Westview Press.
- Sindu Galba. (Ed). (1990). *Senjata Tradisional Daerah Sulawesi Selatan*. Sulawesi Selatan: Direktorat Jenderal Kebudayaan.
- Siti Baroroh Baried (Ed). (1983). *Pengantar Teori Filologi*. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu I: Edisi kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999a). "Perkaitan Ilmu Filologi dan Pengkajian Sastera Tradisional." *Dewan Sastera*. April: hlm 7-10.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999b). "Metodologi Filologi: Beberapa Langkah Pendekatan." *Dewan Sastera*. April: hlm 7-10.

- Siti Hawa Haji Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skinner.C (Ed). (1963). *Sja'ir Perang Mengkasar* (The Rhymed Chronicle of The Macassar War). Van Het Koninklijk Instituut Voor Taaal, Land-en Volkenkunde. S.Graveenhage Martinus Nijhoff.
- Soccio, D.J. (2010). *Archetypes of Wisdom: An Introduction to Philosophy*. USA: Wadsworth Cengage Learning
- SP Star. (2002). *Perang China-Jepun, 1894-1895*. Sumber Internet <http://www.geocities.ws/cominglucky/pcj.htm>: Tarikh capaian: 16 September 2016: Masa 12. 40 pm).
- Talib Samat. (2002). *Selayang Pandang Dunia Sastera dan Penulisan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Tan Boon Chye. (2009). *Cerdik Jawi: Belajar Jawi Cara Mudah*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Wahyudi Siswanto. (2008). *Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: PT Gramedia Widisarana Indonesia.
- Xun Zi. (2009). "Kaedah Peperangan." *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*. Vol.1: hlm 61-88.
- Yusuf al-Qardhawi. (2013). *Fiqh Jihad Jilid 1 dan Jilid 2*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.